

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji dan melaksana suatu skim perniagaan berkonsepkan keusahawanan sosial Ternakan Lembu Khas bagi Qurban dan Aqiqah yang melibatkan bantuan sumber kewangan daripada Baitulmal. Pihak penternak kemudiannya akan menjual lembu pada harga patut bagi Qurban dan Aqiqah. Ini akan menstabilkan kos lembu untuk Qurban dan Aqiqah yang telah meningkat begitu tinggi sekali ketika ini.

JAWAPAN: **YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Butiran 1, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal Agama Islam termasuklah urusan Baitulmal terletak di bawah

bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mekanisme agihan dana Baitulmal di setiap negeri dikendalikan sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama masing-masing dan di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan badan berkuasa agama di Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab menguruskan dana-dana Baitulmal termasuk zakat. Aktiviti agihan zakat oleh MAIWP menumpukan kepada usaha-usaha untuk membantu memenuhi keperluan asasi golongan asnaf khususnya fakir dan miskin. Keperluan mereka dalam aspek makanan, tempat tinggal, pakaian, perubatan dan pendidikan diberikan fokus utama oleh MAIWP. Selain itu bagi menggalakkan mereka berdikari, beberapa skim bantuan berbentuk pembangunan ekonomi asnaf turut disediakan.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat, ia akan diteliti berdasarkan keperluan semasa. Sebagaimana yang dinyatakan, keutamaan MAIWP adalah untuk memastikan terlebih dahulu bahawa zakat telah dapat membantu asnaf memenuhi keperluan asasi mereka. Ahli Yang Berhormat juga di sarankan supaya memanjangkan cadangan ini kepada pihak Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.